

08 MAY 2003

MAHATHIR-EURO/I

DR MAHATHIR: PETRONAS PATUT TIMBANG GUNA EURO DALAM TRANSAKSI

Oleh: Newmond Tibin & Frankie Lian Labang

BINTULU, 8 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Petronas patut menimbang untuk menggunakan euro di sebalik dolar AS dalam transaksinya bagi mengurangkan kerugian yang timbul daripada penurunan nilai dolar berbanding euro.

Perdana Menteri berkata dolar AS telah susut nilai sebanyak 25 peratus berbanding unit Eropah yang berusia tiga tahun itu daripada hampir nilai setara apabila euro dilancarkan pada tahun 2000.

"Dalam kata-kata lain, kita memperolehi 25 peratus kurang (daripada jualan minyak dan gas kita)," katanya semasa menjawab soalan selepas melancarkan kompleks gas asli cecair (LNG) Petronas di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia pasti untung jika Petronas menjual gasnya dalam nilai euro dan euro telah meningkat nilai berbanding dolar AS.

Kata beliau dolar AS susut nilai dengan amat pantas dan ia kini berlegar sekitar AS\$1.32 berbanding satu euro.

Kadar tukaran ringgit berbanding euro ialah RM4.31.

"Kita akan kehilangan nilai apabila kita berdagang dalam dolar AS, kita tidak akan mendapat nilai itu, ini adalah sesuatu yang Petronas perlu pertimbangkan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa soalnya bukan sama ada AS gembira atau tidak, "ia adalah soalan sama ada kita mendapat wang atau nilai bagi barangan kita."

"Tekanan mungkin bahawa dolar AS boleh naik nilai (dan) memang, kita akan balik menggunakan dolar AS (jika kita berdagangan dalam euro), tetapi pada masa ini, kita berdagangan dalam dolar AS," katanya.

Sementara jualan dalam matawang yang lebih kukuh akan bermakna hasil yang meningkat kepada negara itu, pembelian dalam matawang itu akan lebih mahal.

Di sini, Dr Mahathir menyebut pembelian baru-baru ini oleh Petronas 50 peratus kepentingan dalam konsesi West Delta Deep Marine di Mesir, sebuah medan gas luar pantai dengan hasil tujuh trilion kaki padu, untuk 1.6 bilion euro.

"Jika kita telah membayar dalam dolar AS, ia mungkin lebih murah," katanya. -- BERNAMA

NT/FLL MR SHY OS